

NO. SOALAN: 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN

TARIKH : 14 MAC 2016

RUJUKAN : 8763

SOALAN:

**Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan keadaan terkini pelarian-pelarian Syria
telah tiba di Malaysia sejak bulan Disember 2015.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Ingin dimaklumkan, bagi kemasukan migran Syria pada ketika ini, Kerajaan hanya memberikan fokus kepada calon yang mempunyai penaja iaitu ahli keluarga atau waris yang telah menetap secara sah di Malaysia serta dapat membuktikan kemampuan menyediakan tempat tinggal dan kemudahan asas yang berkaitan. Penetapan syarat melibatkan penaja ini adalah bagi memastikan kebajikan (*well being*) migran Syria akan terpelihara sepanjang keberadaan mereka di Malaysia.

Lanjutan dari itu, ingin dimaklumkan bahawa kumpulan pertama bagi Fasa Pertama migran Syria yang terdiri dari 3 buah keluarga (11 orang) yang terdiri daripada 5 orang lelaki dewasa dan 6 orang wanita telah selamat tiba di Malaysia pada 8 Disember 2015 yang lalu telahpun bersama ahli keluarga mereka yang telahpun berada di Malaysia untuk meneruskan kehidupan sedia ada.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, status terkini adalah Kerajaan masih dalam proses tapisan atau saringan ke atas Penaja dan Migran Syria lain yang bakal di bawa masuk ke Malaysia kelak.